

**Isu Salun: PAS Buka Pintu Rundingan
Bernama
27 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Kerajaan PAS Kelantan bersedia untuk mempertimbangkan cadangan semua pihak daripada kalangan bukan Islam bagi mencari jalan penyelesaian berhubung pertikaian isu salun yang melarang wanita daripada mengunting rambut lelaki di Kelantan.

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata PAS memandang serius kebimbangan masyarakat bukan Islam berhubung isu tersebut di negeri pembangkang itu.

"PAS Pusat telah pun dimaklumkan oleh Kerajaan Kelantan mengenai hasrat mereka membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik mengikut konsep hak kebebasan anutan orang bukan Islam," katanya dalam kenyataan yang dibacakan oleh Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub di lobi bangunan Parlimen di sini, pada Selasa.

Abdul Hadi berkata PAS percaya kerajaan Kelantan tidak bermaksud untuk meluaskan pelaksanaan apa-apa peruntukan berkaitan perundangan moral Islam ke atas orang bukan Islam.

Beliau berkata ini dibuktikan dengan penggubalan Enakmen Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 yang tidak terpakai ke atas orang bukan Islam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711958>